

PERBINCANGAN DAN PENGHAYATAN KONSEP AL-IHSAN DALAM AL-QURAN SERTA MUAMALAH

***DISCUSSION AND APPRECIATION OF THE CONCEPT OF AL-IHSAN
IN THE QURAN AND MUAMALAH***

Wan Helmy Shahriman Bin Wan Ahmad¹

Rubiah binti Abu Bakar²

Che Zuina binti Ismail³

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Terengganu, Malaysia
(E-mail: wanhelmy@uitm.edu.my)

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Terengganu, Malaysia
(E-mail: rubiah73@uitm.edu.my)

³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Terengganu, Malaysia
(E-mail: chezu270@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 12-12-2021

Revised date : 13-12-2021

Accepted date : 15-2-2022

Published date : 15-3-2022

To cite this document:

Wan Ahmad, W. H., Abu Bakar, R., & Ismail, C. Z. (2022) Perbincangan dan Penghayatan Konsep Al-Ihsan dalam Al-Quran Serta Muamalah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(43), 208 - 220.

Abstrak: *Ihsan secara umumnya bermaksud baik atau bagus. Segala perbuatan atau tingkah laku yang mendarangkan manfaat dan jauh dari kemudaratannya disifatkan sebagai perbuatan yang ihsan. Ihsan adalah suatu sifat yang sesuai dengan fitrah kejadian manusia kerana kecenderungan kepada amalan dan perbuatan kebaikan. Secara ringkasnya konsep al-ihsan meliputi dua bahagian utama kehidupan individu muslim. Pertama, ihsan dalam beribadah pada Allah SWT seakan-akan memandang-Nya atau merasa dilihat oleh-Nya. Kedua, ihsan dalam memenuhi keperluan kebaikan sesama makhluk dengan melaksanakan hak-hak mereka. Suasana pandemik COVID-19 kini mengheret masyarakat dunia kearah tindakan norma baharu kehidupan. Bencana ini banyak memberi kesan yang mendalam kepada individu atau masyarakat termasuk aktiviti muamalah atau perekonomian. Penulisan perbincangan dan penghayatan konsep al-ihsan dalam muamalah adalah untuk melihat dan menilai manfaat dan kebaikan kepada kedua-dua belah pihak atau antara penjual dan pembeli terutama dalam fasa baharu kehidupan akibat pandemik COVID-19 kini. Penulisan berdasarkan pendekatan kajian kualitatif dengan reka bentuk kajian kepustakaan ini cuba meneliti, mengumpul dan menganalisis data-data daripada ayat al-Quran dan juga hadis serta ulasan ulama berkaitan dengan topik al-Ihsan dan juga muamalah. Hasil pemerhatian dan analisis penulis dapat terdapat 211 bentuk dan sifat perkataan al-ihsan yang di sebut di dalam al-Quran serta enam elemen asas al-ihsan yang relevan untuk dihayati dalam aktiviti muamalah berdasarkan pandangan Imam al-Ghazali. Secara umum kesimpulan penulisan ini menjelaskan bahawa konsep al-ihsan ini, bukan hanya suatu ibadah dan amalan yang kemanfaatannya hanya untuk peribadi sahaja, tetapi juga untuk individu muslim lain terutama dalam muamalah atau aktiviti perekonomian pada fasa baharu kehidupan kini.*

Kata Kunci: *Al-Ihsan, Al-Quran, Muamalah, Fasa Baharu kehidupan*

Abstract: *Ihsan generally means good or nice. Any act or behavior that brings benefits and is far from harm is considered as an act of kindness. Ihsan is an attribute that is in accordance with the nature of human creation because of the tendency to good deeds and deeds. In short, the concept of al-ihsan covers two main parts of the life of the Muslim individual. First, compassion in worshiping Allah SWT is as if looking at Him or feeling seen by Him. Second, compassion in fulfilling the needs of the goodness of fellow beings by exercising their rights. The atmosphere of the COVID-19 pandemic is now dragging the world community towards the action of a new norm of life. These disasters have a profound effect on individuals or communities, including muamalah or economic activities. Writing discussion and appreciation of the concept of al-ihsan in muamalah is to see and evaluate the benefits and advantages to both parties or between the seller and the buyer especially in the new phase of life due to the current COVID-19 pandemic. Writing based on a qualitative research approach with the design of this library study tries to examine, collect and analyze data from the verses of the Quran and hadith as well as scholars' comments related to the topic of al-Ihsan and also muamalah. The results of the author observation and analysis found that there are 211 forms and properties of the word al-ihsan mentioned in the Quran as well as six basic elements of al-ihsan that are relevant to be lived in muamalah activities based on the views of Imam al-Ghazali. In general, the conclusion of this writing explains that the concept of al-ihsan, is not only an act of worship and practice that benefits only for personal use, but also for other Muslim individuals, especially in muamalah or economic activities in the new phase of life now.*

Keywords: *Al-Ihsan, Al-Quran, Muamalah, New Phase of life*

Pendahuluan

Islam adalah agama yang bersifat sempurna yang memandu serta mengatur segala aspek kehidupan manusia. Samaada yang bersangkutan dengan aspek akidah, syariah, ibadah ataupun akhlak. Salah satu aspek kehidupan dalam ajaran Islam yang penting dan perlu diambil perhatian adalah bidang muamalah. Ini kerana muamalah merupakan bahagian terbesar yang berlegar dalam kehidupan seseorang muslim.

Muamalah adalah salah satu topik yang sentiasa berlegar dalam perbincangan syariah atau undang-undang Islam. Perbincangannya berkait dengan penetapan hukum-hakam tentang hubungan individu muslim dengan individu muslim yang lain. Baik secara peribadi maupun berbentuk hubungan kemasyarakatan. Dalam istilah ilmu fekah disebut sebagai *al-syakhsiyah al-i'tibariyyah*. Antara topik yang menyentuh dalam perbincangan hukum hakam muamalah adalah meliputi jual beli, sewa menyewa, pesepakatan antara dua pihak yang meliputi aktiviti perekonomian masyarakat Islam.

Aktiviti perekonomian dalam ajaran Islam merupakan suatu tuntutan sosial yang perlu berjalan selaras dengan nilai-nilai ajaran Islam. Hal ini penting untuk diberi perhatian agar tercermin perilaku masyarakat muslim yang berdisiplin serta mengimbangi hasil yang membawa kepada kemanfaatan atau kemudharatan disebalik aktiviti perekonomian yang dijalankan. Segalanya akan menjadi kayu ukur kepada dasar konsep kehidupan individu atau masyarakat muslim yang akan menggambarkan keluhuran dan keharmonian ajaran Islam itu sendiri.

Suasana pandemik COVID-19 kini mengheret masyarakat dunia kearah tindakan norma baharu kehidupan. Bencana ini banyak memberi kesan yang mendalam kepada individu atau masyarakat tidak hanya dari aspek kesihatan bahkan juga aspek aktiviti sosial, muamalah atau

perekonomian dan lain-lain. Sehingga mengakibatkan beberapa negara termasuk Malaysia mengambil langkah menjalankan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Rakyat dinasihatkan untuk terus kekal di rumah, bekerja dari rumah (Work From Home), pergerakan di luar rumah dihadkan, memakai pelitup hidung dan mulut, kerap cuci tangan, menjaga penjarakan sosial dan sebagainya sebagai langkah-langkah pencegahan pandemik ini.

Salah satu cabaran yang diberi perhatian ialah isu dimana masyarakat terbatas dalam melakukan aktiviti harian seperti biasa. Dalam hal ini, individu atau masyarakat dihadkan untuk melakukan aktiviti sosial dan juga aktiviti perekonomian yang melibatkan tempat awam. Norma baharu kehidupan ini menuntut kepada setiap lapisan masyarakat dan juga individu untuk memikirkan serta mengambil langkah baharu dalam mengatur setiap aktiviti kehidupan. Bagi individu muslim, apa-apa tindakan dan langkah yang diambil perlu kepada diseimbangkan antara tuntutan agama dan juga keperluan semasa. Pendekatan ini bukan sekadar melibatkan aktiviti sosial, bahkan juga lain-lain aktiviti kehidupan termasuklah aspek perekonomian atau muamalah. Justeru, penulisan ini cuba mengetengahkan salah satu konsep yang ada dalam ajaran Islam dan dilihat sesuai untuk diberi perhatian kembali yang berkait dengan aktiviti muamalah dalam norma baharu kehidupan iaitu konsep *al-ihsan*.

Secara umumnya, faham konsep *al-ihsan* ini merupakan suatu nilai yang perlu dimiliki oleh individu muslim yang sentiasa mengharapkan keredaan Allah SWT dalam setiap aspek kehidupan. Antara objektif penciptaan manusia adalah untuk menjadi khalifah supaya menguasai kehidupan dan saling melengkapi antara satu sama lain. Oleh itu manusia perlu menghayati perbuatan baik dan terbaik (*ihsan*) bagi merealisasikan tugas khalifah yang diamanakan Allah SWT.

Al-Ihsan juga perlu dihayatid dan dimiliki oleh individu yang mempunyai ilmu dan kesedaran terhadap manfaat dan tujuan melakukan sesuatu perbuatan. Manusia yang sentiasa melakukan amal kebaikan menyedari bahawa dia perlu melakukan kebaikan kerana mengetahui manfaat pahala yang akan diperolehi dan manusia yang meninggalkan amalan buruk menyedari dosa dari perkara tersebut. Manusia yang melakukan kebaikan juga sedar tujuannya melakukan kebaikan adalah untuk mentaati perintah Allah SWT.

Perbincangan *al-ihsan* di dalam al-Quran meliputi keseluruhan aspek kehidupan manusia, iaitu berbuat baik dalam perkara samaada yang bersangkutan dengan akidah, ibadah dan muamalah. Seumpama berbuat baik kepada kedua-dua ibu bapa, kaum kerabat, jiran tetangga, anak yatim, haiwan yang menjadi kewajipan kepada setiap Muslim. Realitinya, aktiviti muamalah merupakan aktiviti yang banyak memerlukan kefahaman yang baik dan jelas berkaitan dengan konsep *al-ihsan* sebagaimana yang dijelaskan al-Quran.

Penulisan berkaitan dengan perbincangan dan penghayatan Konsep *Al-Ihsan* Dalam Al-Quran Serta Muamalah adalah berobjektifkan kepada:

- a) Meneliti perbincangan berkaitan konsep *al-ihsan* dalam sumber rujukan utama ajaran Islam iaitu al-Quran al-Karim.
- b) Mengetengahkan beberapa elemen *al-ihsan* yang dilihat penting untuk kembali diberi perhatian dan dihayati berkaitan dengan aktiviti muamalah dalam fasa norma baharu kehidupan akibat pandemik COVID-19.

Metodologi Kajian

Penulisan ini berdasarkan Pendekatan kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian kepustakaan. Metode kepustakaan adalah kegiatan kajian yang berkaitan dengan koleksi data perpustakaan, membaca, merekod dan mengolah bahan-bahan penelitian (Ahmad Sunawari, 2011). Data-data yang digunakan adalah data primier, data sekunder, data dalam bentuk artikel, buku dan laporan penelitian serta sumber-sumber lain atau informasi yang relevan dengan topik *al-Ihsan* dan juga muamalah. Kesemua data-data yang dikumpul dianalisis berdasarkan metode analisis kandungan teks dan juga analisis deduktif yang cuba mengetengahkan satu kesimpulan yang khusus daripada sesuatu pengetahuan umum yang melibatkan data-data daripada ayat al-Quran dan juga hadis serta pandangan dan penulisan ulama seperti al-Ghazali, Sayid Qutb dan sebagainya.

***Al-Ihsan* Dalam Al-Quran**

Dari aspek etimologi atau perbincangan dari segi bahasa, perkataan *al-ihsan* berasal dari perkataan Bahasa Arab *ihsaan*, yang tersusun dari huruf *alif* (ا), *ha* (ه), *sin* (س) dan *nun* (ن). Kata ini adalah bersifat *masdar* (kata terbitan) yang berasal dari lafaz *ahsana*, *yuhsinu*, *ihsaan*. *Ihsan* atau berbuat kebaikan merupakan kata lawan bagi perkataan *isa'ah* atau berbuat keburukan. Perkataan ini juga mengandungi maksud kebaikan, lebih bagus, lebih bermanfaat, lebih indah dan juga kesenangan (al-Asqalani, 1997). Perkataan *al-ihsan* juga dapat dimaksudkan sebagai memperbaiki atau menjadikan sesuatu itu baik (Munawwir, 1997).

Muhammad Fuad (t.t) menegaskan di dalam buku beliau Mu'jam al-Mufahras li Alfaz al-Quran, perkataan *al-ihsan* di dalam al-Quran didatangkan dengan pelbagai sifat dan, bentuk kata dan disebut secara berulang-ulang. Pengulangan sebutan perkataan *insan* dalam al-quran didapati sebanyak 211 kali di pelbagai ayat dan surah sebagaimana jadual di bawah:

Jadual 1: Bentuk Dan Sifat Lafaz Al-Ihsan Dalam Al-Quran (Siti Maghfiratul, 2018)

Lafaz	Surah & ayat	Maksud
<i>Hasuna & hasunat</i>	An-Nisa': 69, Al-Kahfi: 31& 104, & al-Furqan: 76	Sebaik-baiknya
<i>Ahsana</i>	Al- An'am: 154 & Yusuf: 100	Berbuat kebaikan
	Yusuf: 23, al-Khafi: 30, dan at-Thalaq: 11	Baik
	Al-Qashash: 77	Berbuat baiklah
	As-Sajdah: 7	Sebaik-baiknya
	Ghafir: 64	Membaguskan
	At-Taghabun: 3	DibaguskanNya
<i>Ahsantum & Ahsanu</i>	Al- Isra':7, Ali Imran: 172, al- Maidah: 93, Yunus: 26, an- Nahl: 30, az- Zumar: 10, dan an- Najm: 31	Berbuat baik
<i>Tuhsinu</i>	An- Nisa': 128	Secara baik
<i>Yuhsinun</i>	Al-Kahfi: 104	Berbuat sebaik-baiknya
<i>Ahsin & ahsinu</i>	Al- Qashash: 77, al- Baqarah: 195	Berbuat baiklah
<i>Husn</i>	Ali Imran: 14 & 195, Ar-Ra'du: 29, dan Shad: 25 & 49	Baik

Lafaz	Surah & ayat	Maksud
<i>Husnan</i>	Al-Baqarah: 83	Berbuat kebaikan
	Al-Kahfi: 86, dan Al-Ankabut: 8	Kebaikan
	An-Naml: 11, dan As-Syuro: 23	Kebaikan
<i>Hu snuhunna</i>	Al-Ahzab: 52	Kecantikannya
<i>Hasani dan hasanan</i>	Ali Imran: 37, al-Baqarah: 245, al-Maidah: 12, al-Anfal: 17, Hud: 3 & 88, an-Nahl: 67 & 75, al-Kahfi: 2, Thoha: 86, al-Hajj: 58, al-Qasash: 61, Fathir: 8, al-Fath: 16, al-Hadid: 11 & 18, at-Taghabun: 17, dan al-Muzammil: 20	Baik
<i>Hasanah</i>	Al-Baqarah: 201, Ali Imran: 120, An-Nisa': 40 & 78, Al-A'raf: 156, At-Taubah: 50, Ar-Ra'du: 6 & 22, an-Nahl: 122, An-Naml: 46 & 89, Al-Qasash: 54 & 84, Az-Zumar: 10, Fushilat: 34 dan As-Syuro: 23	Kebaikan
	Al-Baqarah: 201	Peliharalah
	An-Nisa': 79 & 85, Al-An'am: 160, An-Nahl: 30 & 125, A-Ahzab: 21 dan Al-Mumtahanah: 4 & 6	Baik
	An-Nahl: 41	Bagus
<i>Hasanat</i>	Al-A'raf: 168 dan Hud: 114	Baik
	Al-Furqan: 70	kebijakan
<i>Al- Husna</i>	An-Nisa': 95, Al-A'raf: 137, Ar-Ra'du: 18 dan Al-Anbiya': 101	Baik
	Al-A'raf: 180, Al-Isra': 110, Thoha: 8 dan Al-Hasyr: 24	Nama-nama yang baik
	At-Taubah: 107, Nahl: 62 dan Fushilat: 50	Kebaikan
	Yunus: 26	Berbuat baik
	Al-Kahfi: 88 dan Al-Lail: 6 & 9	Terbaik
	An-Najm: 31 dan Al-Hadid: 10	Lebih baik
<i>Al- Husnayain</i>	At-Taubah: 52	Kebaikan
<i>Hisan</i>	Ar-Rahman: 70	Baik-baik lagi cantik-cantik
	Ar-Rahman: 76	Permadani-permadani yang indah
<i>Ahsan</i>	Al-Baqarah: 138, An-Nisa': 59, 86 & 125, Al-Maidah: 50, At-Taubah: 121, Hud: 7, An-Nahl: 96 & 97, Al-Isra': 35 & 53, Al-Mu'minun: 96, An-Nur: 38, Al-Ankabut: 7, Az-Zumar: 35, Fushilat: 33, Al-Mulk: 2	Lebih baik
	Al-An'am: 152	Lebih bermanfaat
	Yusuf: 3, Al-Mu'minun: 14, Furqan: 24 & 33, Al-Ankabut: 46 dan Az-Zumar: 23	Paling baik
	An-Nahl: 12, Al-Isra': 34, dan Fushilat: 34	Cara yang baik
	Al-Kahfi: 7	Yang terbaik
	Maryam: 73 dan 74	Lebih indah
	As-Shoffat: 125, Az-Zumar: 55, dan At-Tin: 4	Sebaik-baik

Lafaz	Surah & ayat	Maksud
	Al-Ahqaf: 16	Amal yang baik
Ahsaniha	Al- A'raf: 145	Sebaik-baiknya
<i>Ihsanin</i>	Al- Baqarah: 178 & 229	Cara yang baik
	At-Taubah: 100	Dengan baik
	An-Nahl: 90 dan Ar- Rahman: 60	Berbuat kebajikan
<i>Ihsanan</i>	Al-Baqarah: 83, An-Nisa': 36, Al-An'am: 151 dan Al-Isra': 23	Berbuat kebaikanlah
	Al-Ahqaf: 15 dan An- Nisa': 62	Penyelesaian yang baik
<i>Muhsin</i>	Al-Baqarah: 112, Luqman: 22, dan As-Shaffat: 113	Berbuat kebajikan
	An-Nisa': 125	Mengerjakan kebajikan
<i>Muhsinun</i>	An-Nahl: 128	Berbuat kebaikan
<i>Muhsinin</i>	Al-Baqarah: 58 & 195, Ali Imran: 134 & 148, Al-Maidah: 13, 93 & 85, Al-Mursalat: 44, Al-An'am: 84, Al-A'raf: 56 & 161, At-Taubah: 91 & 120, Hud: 115, Yusuf: 22, 56, 78, & 90, Al-Hajj: 37, Al-Qasash: 14, Al-Ankabut: 69, Luqman: 3, As-Shaffat: 80, 105, 110, 121 & 131, Az-Zumar: 34 & 58, Al-Ahqaf: 12 dan Adz-Dzariyat: 16	Berbuat baik
	Yusuf: 36	Pandai mentadbir mimpi
<i>Muhsinat</i>	Al-Ahzab: 29	Berbuat baik

Secara umumnya *al-ihsan* boleh difahami melalui ayat al-Quran dengan makna ‘berbuat baik’. Firman Allah yang bermaksud:“

Dan berbuat baiklah kepada dua orang ibu-bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, tetangga yang dekat dan tetangga yang jauh, dan teman sejawat, ibnu sabil dan hamba sahayamu ...”

(Surah al-Nisa' (4): 36)

Kalimah ihsaan (berbuat baik) dalam ayat di atas adalah bersifat *masdar* (kata terbitan) untuk *fi'l mahdzuf* (perbuatan yang digugurkan penulisannya) dengan maksud *ahsinuu bil walalidain ihsaan* (berbuat baiklah kepada dua orang ibu bapa dengan sebaik-baiknya) (al-Syaukani, 2009).

Seterusnya Falih Muhammad (2009) memperincikan lagi maksud *al-ihsan* kepada ibu bapa pada ayat di atas. Mentaati mereka selagi tidak melanggar prinsip-prinsip asas dalam ajaran Islam, selalu memberi kebaikan serta menjauhi mereka dari kesusahan serta mendoakan dan memohon keampunan buat mereka berdua. Manakala *al-ihsan* kepada sahabat karib dan kaum kerabat adalah dengan berbuat baik dan berlemah lembut kepada mereka serta melakukan perkara yang menyenangkan serta menjauhkan segala perbuatan yang menyulitkan mereka. Seterusnya, *al-ihsan* kepada anak yatim pula adalah dengan memelihara hak-hak dan harta mereka seperti memberi pendidikan, kasih sayang dan sebagainya.

Allah SWT juga berfirman dalam surah ali-Imran ayat 134 yang bermaksud: "Iaitu orang-orang yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah, dan orang-orang yang menahan kemarahan mereka, dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang. Dan (ingatlah), Allah mengasihi orang-orang yang berbuat perkara-perkara yang baik."

Di dalam kitab Tafsir Ath-Thabari, pentafsiran bagi perkataan *al-muhsinun* pada ayat al-Quran di atas membawa maksud orang yang melakukan kebaikan dan kebajikan, manakala amal perbuatan iaitu (segala kebaikan) itulah yang dinamakan sebagai ihsan. (Ath-Thabari, 2007) Manakala Sayid Qutub pula menjelaskan perkataan *al-muhsinin* pada ayat sebagai golongan yang dikasihi Allah SWT dan kasih kepada Allah SWT. Atas dorongan rasa kasih kepada Allah akan menjadikan manusia mempunyai keinginan yang kuat untuk melakukan amal kebaikan. Setiap amal kebaikan adalah ihsan dan ihsan itu bersumberkan daripada tauhid dan keimanan kepada Allah SWT (Sayid Qutub, 2000).

Perkataan *ihsan* dalam al-Quran juga membawa maksud menghindarkan diri dari perlakuan yang tidak baik menurut Imam Nawawi (2001). Kehendak disebalik perkataan *ihsan* dalam al-Quran dengan lebih terperinci boleh dirujuk melalui hadis Rasulullah SAW ketika di tanya oleh Malaikat Jibril, Maksudnya:"Beritahuhan kepadaku tentang ihsan ". Nabi SAW menjawab: "Hendaklah engkau beribadah kepada Allah seakan-akan engkau melihat-Nya. Kalau engkau tidak melihat-Nya, sesungguhnya Dia melihatmu".(Sahih Muslim)

Melalui hadis riwayat Imamam Muslimdi atas, *ihsan* sebenarnya merupakan satu istilah yang penting bagi agama Islam kerana perkataan ini diajarkan oleh Allah SWT melalui perantaraan Jibril bersama perkataan iman dan juga perkataan Islam. Ketiga-tiga perkataan ini diajarkan bersama yang menandakan bahawa ketiga-tiganya saling berhubungan dan menjadi tiang kepada ajaran agama Islam.

Imam al-Ghazali pula dalam karyanya al-Janib al-Athifi Min al-Islam, Bahts Fi al-Khulq wa al-Suluk wa al-Tashawwuf turut menjelaskan *al-ihsan* itu merangkumi sesuatu perlakuan yang melebihi keadaan asal selamat. Hal ini bermaksud, umat Islam seharusnya keluar dari kelompok yang hanya melakukan sesuatu di tahap yang sama. Tetapi sentiasa memperbaiki mutu sesuatu amalan dan perlakuan seharian agar dapat menguasai segenap aspek kehidupan (al-Ghazali, 1990).

Jelasnya lagi, umat Islam digalakkan sentiasa bersifat *al-ihsan* atau sentiasa meningkatkan mutu. Terutama dalam keilmuan dan pekerjaan agar tidak ketinggalan dari kaum lain dan dapat memakmurkan bumi dengan ajaran Islam yang murni. Hal ini sekali gus akan mencapai salah satu matlamat penciptaan manusia ke muka bumi iaitu untuk menjadi khalifah di muka bumi(al-Ghazali, 1990).

Firman Allah SWT yang bermaksud : "Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi". Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata):"Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji-Mu dan mensucikan-Mu?". Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya" (al-Baqarah (2): 30).

Daripada penelitian penulis terhadap beberapa perbincangan ulama di atas terhadap perkataan *al-Ihsan* di dalam al-Quran. Hakikat *al-ihsan* itu sebenarnya merupakan nilai yang dimiliki manusia yang sentiasa mengharapkan keredaan Allah SWT dalam setiap aspek kehidupan. Manusia diciptakan untuk memikul amanah sebagai khalifah supaya menguasai kehidupan dan saling melengkapi antara satu sama lain. Oleh itu manusia perlu sentiasa berbuat baik dan terbaik (*al-ihsan*) bagi merealisasikan tugas khalifah. *Al-Ihsan* juga dimiliki oleh manusia yang mempunyai ilmu dan kesedaran terhadap manfaat dan tujuan melakukan sesuatu perbuatan. Manusia yang sentiasa melakukan amal kebaikan menyedari dan mengetahui manfaat pahala yang akan diperolehi. Begitu juga manusia yang meninggalkan amalan buruk dengan menyedari dosa dari perkara tersebut. Manusia yang melakukan kebaikan juga sedar tujuannya melakukan kebaikan adalah untuk mentaati perintah Allah SWT.

Perkataan *al-ihsan* di dalam al-Quran meliputi keseluruhan aspek kehidupan manusia iaitu berbuat baik dalam perkara yang bersangkutan dengan akidah, ibadah dan muamalah seperti berbuat baik kepada kedua-dua ibu bapa, kaum kerabat, jiran tetangga, anak yatim, haiwan dan menjadi kewajipan kepada setiap Muslim. Sabda Rasulullah : “Sesungguhnya Allah mewajibkan untuk berbuat baik (*al-ihsan*) terhadap segala sesuatu. Apabila hendak membunuh, maka bunuhlah dengan cara yang baik, apabila hendak menyembelih haiwan, maka sembelihlah dengan cara yang baik, iaitu dengan menajamkan pisau dan hendaklah membuat haiwan merasa nyaman” (Sahih Muslim).

Muamalah Dalam Kehidupan Muslim

Perkataan muamalah dari segi bahasa bermaksud saling bertindak, saling berbuat dan saling mengamalkan. Manakala,dari segi istilah perbincangan berkaitan muamalah terbahagi kepada dua iaitu muamalah dalam maksud yang khusus dan luas atau umum. Maksud muamalah dalam skop yang khusus adalah aturan-aturan Allah SWT yang berkait dengan hubungan individu muslim dengan individu lain. Hubungan dalam erti kata usahanya untuk mendapatkan alat-alat keperluan jasmaninya dengan cara yang baik. Manakala dalam skop umum pula, maksud muamalah adalah peraturan-peraturan Allah SWT yang harus dipatuhi dan ditaati dalam kehidupan bermasyarakat untuk menjaga kepentingan manusia dalam urusannya dengan urusan keduniaan (Harisah *et.all*, 2020).

Islam adalah agama yang sempurna yang mengatur segala aspek kehidupan manusia. Samaada yang berkaitan dengan aspek akidah, syariah, akhlak maupun muamalah. Muamalah adalah Salah satu aspek ajaran islam yang penting dan perlu difahami dengan baik. Hal ini kerana, muamalah merupakan perlakuan dan bahagian amalan terbesar dalam kehidupan individu muslim. Sehingga Rasulullah SAW menegahkan dalam satu mafhum hadis bahawa “agama adalah muamalah”. Muamalah berasal dari perkataan yang semakna dengan *mufa’alah* iaitu saling berbuat. Daripada maksud semakna ini, menggambarkan adanya suatu aktiviti manusia untuk memperolehi dan memenuhi keperluan hidup sehari-hari termasuklah dalam erti kata aktiviti perekonomian (Harun, 2017).

Harun berpandangan (2017), perubahan sosial dalam bidang muamalah terutama aktiviti perekonomian terus berkembang dengan cepat. Ini adalah susulan dari ledakan arus perkembangan globalisasi. Justeru, pengetahuan dan pengajaran ilmu fekah berkaitan dengan bidang muamalah tidak cukup bersandar atau sekadar merujuk pada isi perbincangan dalam kitab-kitab klasik semata. Hal ini kerana formula hukum-hakam ilmu fekah bidang muamalah klasik sentiasa melalui fasa revolusi dan perlu direlevangkan dengan konteks kekinian. Rumusan-rumusan fekah bidang muamalah tersebut harus kembali diteliti dan dikaji agar selari

dan bersesuaian dengan isu dan permasalahan aktiviti muamalah dan perekonomian moden. Namun penelitian dan pengkajian perlu dilakukan dengan penuh teliti dan berhati-hati agar membelakangi nilai-nilai dasar serta maqasid (objektif) dalam syariah islamiyyah.

Tambahnya lagi (2017), terdapat beberapa nilai-nilai universal dalam ajaran islam yang perlu di beri perhatian dan dijadikan landasan dalam pembangunan aktiviti perekonomian Islam. Antara nilai-nilai tersebut adalah nilai keimanan (tauhid), nilai keadilan (Adl), nilai kenabian (Nubuwah), nilai pemerintahan (Khilafah) dan nilai keberhasilan (Ma’ad). Dengan adanya nilai-nilai tersebut akan membentuk sebuah prilaku (akhlak) yang baik serta sifat al-ihsan (kebaikan) akan tercermin dalam aktiviti muamalah dan perekonomian masyarakat muslim bahkan dalam sistem kehidupan sehari-harian.

***Al-Ihsan* Dalam Aktiviti Muamalah**

Imam al-Ghazali memandang persoalan berhubung dengan muamalah dan aktiviti perekonomian, bukan hanya sekedar ibadah sahaja bahkan merangkumi aspek akhlak. Hal ini kerana di dalamnya terdapat konsep berbuat kebaikan (*al-ihsan*) kepada individu lain. Dengan memberikannya manfaat dari jalinan muamalah dan aktiviti perekonomian tersebut. Memberikan manfaat kepada individu lain juga merupakan antara matlamat disebalik perutusan para Rasul. Perutusan mereka tidak hanya untuk mengajak manusia beribadah kepada Allah semata-mata (al-Ghazali. t.th). Ibnu Qayyim (1393) menyatakan, “Para Rasul di utus dengan sifat *al-ihsan* kepada manusia, memberi petunjuk dan manfaat bagi mereka berkait dengan kehidupan dunia serta akhirat, mereka tidak diutus hanya untuk menyendiri (*khalwah*), dengan memutuskan hubungan dengan manusia, atau menjadi rahib (Ibnu Qayyim, 1393)

Tujuan diterapkan konsep *al-ihsan* dalam muamalah dan aktiviti perekonomian adalah untuk mendatangkan manfaat bagi kedua belah pihak atau antara penjual dan pembeli. Imam al-Ghazali menjelaskan bahwa *al-ihsan* adalah konsep yang mampu memberikan manfaat bagi orang yang melakukan muamalah. Walaupun pada dasarnya, hal ini bukanlah sesuatu kewajipan, namun perkara ini perludilihat sebagai suatu keutamaan. Kerana perkara yang wajib ada dalam muamalah dan aktiviti perekonomian adalah hadirnya keadilan serta luputnya kezaliman (al-Ghazali, t.th).

Hal ini bertepatan dengan pernyataan al-Raghib al-Ashfahani, ketika menjelaskan maksud yang terkandung dalam surah an-Nahl ayat 90. Jelas al-Ashfahani, kewajiban (*al-fardh*) dan keadilan jika dilakukan manusia, maka akan mendatangkan pahala dan apabila ditinggalkan akan mendatangkan dosa, sedangkan perkara yang dianjurkan (*al-nadb*) dan amalan kebaikan (*al-ihsan*) bila dikerjakan maka berpahala dan bila ditinggalkan tidak mengapa (al-Ashfahani, 1983).

Inilah hakikat yang amat diperlukan dalam usaha pengembangan aktiviti perekonomian Islam. Kesedaran terhadap menghayati dasar dan nilai-nilai akhlak islamiyyah dalam segenap aspek kehidupan. Dalam aspek hubungan sosial, keadilan dan nilai kebaikan (*al-ihsan*) adalah dua perkara utama dan penting berkait dengan akhlak islamiyyah. Kedua-duanya mempunyai pengaruh besar terhadap aktiviti perekonomian. jika amalan muamalah ini dihiasi dengan akhlak mulia, maka perkara ini akan menambah dan mengorak ke arah perkembangan ekonomi Islam yang lebih harmoni.

Imam al-Ghazali menganjurkan enam perkara penting berkait dengan konsep al-ihsan dalam aktiviti perikonomian. Ini bertujuan agar kedua-dua pihak yang terlibat dalam aktiviti tersebut akan mendapat manfaat bersama. Walaupun pada dasarnya bukanlah suatu kewajipan, akan tetapi perkara ini boleh dilihat sebagai suatu bentuk keutamaan. Enam perkara tersebut ialah:

a) Ihsan Dalam Meletakkan Harga

Pertama, Tidak melakukan manipulasi harga (*al-mughabahanah*) dalam mengejar keuntungan (al-Ghazali,T.th). Pihak penjual sepatutnya tidak mengenakan atau meletakkan harga yang lebih tinggi daripada harga biasa ke atas pembelinya.Walaupun Penganggaran harga adalah dibenarkan pada asasnya. kerana matlamat aktiviti jual-beli itu untuk mendapatkan keuntungan (*ribh*). Dan jalan untuk memperolehi keuntungan antaranya dengan disertai sedikit penganggaran pada harga dalam batas yang wajar.

tambah al-Ghazali lagi, Jika pembeli membayar kepada penjual dengan harga lebih tinggi daripada harga yang menguntungkan atas dorongan keinginannya atau keperluannya yang tinggi terhadap barang tersebut. Penjual seharusnya menolak harga tinggi tersebut. inilah yang dimaksudkan dengan perbuatan *al-ihsan* dalam aktiviti jual beli (t.th.).Walau bagaimanapun, selagimana tiada unsur penipuan berlaku dalam aktiviti jual beli tersebut. Bukanlah bersifat zalim jika penjual untuk menerima bayaran yang tinggi tersebut. Namun penjual boleh mengambil pendekatan mengurangkan penganggaran harga kepada harga yang munasabah sebagai penghatan al-ihsan dalam prose jual beli tersebut(Adi & Amru. 2020).

b) Ihsan Dalam Proses Penawaran Harga

Kedua, al-Ghazali berpandangan perlu ada sikap bertolak-Ansur berhubung dengan anggaran harga daripada pihak penjual (t.th.).Menurut Adi dan Amru (2020), hal Ini berkenaan dengan berkait dengan pihak pembeli. Apabila membeli barang dari penjual yang lemah atau daripada penjual yang miskin, adalah berasikap *al-ihsan* jika bertolak-ansur dengan penganggaran atau perlakukan harga daripada pihak penjual yang lemah serta miskin tersebut. Dan mempermudahkan urusan jual beli tersebut dengan tidak tawar-menawar harga pada barang yang hendak dibeli.Pembeli tersebut telah berlaku *al-ihsan* dan tergolong bersama orang yang diperkatakan dalam sabda Nabi yang bermaksud, “semoga Allah merahmati mereka yang memudahkan penjualan dan memudahkan pembelian.” (riwayat al-Bukhāri).

Namun apabila membeli daripada penjual yang kaya serta mencari keuntungan melebihi apa yang diperlukannya. Maka sikap bertolak ansur dengan penganggaran atau perlakukan harga dengannya bukanlah satu sikap yang terpuji. Bahkan itu dikira sebagai pembaziran wang tanpa ganjaran mahupun kebaikan(2020). Telah diriwayatkan dalam satu hadis yang bermaksud, “mereka yang dipermainkan harga terhadapnya (*maghbun*) adalah tidak dipuji mahupun diberi ganjaran.”

c) Ihsan Dalam Memberi Dan Menagih Hutang

Ketiga, berkaitan dengan meminta bayaran penuh daripada harga barang dan hutang-hutang yang lain (al-Ghazali,t.th). Penghayatan al-ihsan dalam hal ini dapat dilihat dalam dua pendekatan. Sama ada dengan bertolak ansur ke atas penghutang dan memberi potongan bayaran hutang. Atau dengan menangguhkan dan melewatkkan tempoh bayaran tersebut sehingga benar-benar penghutang berada dalam kemampuan (Adi & Amru, 2020). Semua ini adalah sikap terpuji dan digalakkkan.

Rasulullah SAW bersabda, “Semoga Allah merahmati orang yang memudahkan dalam penjualan, memudahkan dalam pembelian, memudahkan dalam pembayaran, dan memudahkan dalam meminta bayaran(riwayat oleh al-Bukhari). Dan juga sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, “Bertolak-ansurlah, nescaya kamu akan dilayan dengan sikap tolak ansur (ismah yusmah laka).”(riwayat al-Tabrani)

d) Ihsan dalam melangsaikan hutang

Keempat, bersegera dalam Melangsaikan Hutang (al-Ghazali, t.th). Saranan ini dilihat berkait dengan pihak pembeli dalam berusaha menyempurnakan hutang (*tawfiyat al-dayn*). Agar tidak membebani pihak penjual sebagai pemberi hutang untuk datang meminta hutang tersebut. Termasuk juga adalah dengan bersegera membayarkannya walaupun belum sampai temponya. Berusaha melangsaikan hutang penuh komitmen dan dengan sikap bersopan santun adalah sebahagian daripada konsep *al-ihsan* menurut Adi dan Amru (2020). Sikap ini tercermin apabila seorang penghutang pergi menemui pemutang, tanpa membebangkan pemutang datang kepada penghutang untuk menuntut haknya. Baginda bersabda :“Sebaik-baik kamu ialah yang paling baik dalam menunaikan hutang (khayrukum ahsanukum qada'an).” (riwayat Bukhari dan Muslim)

e) Ihsan Dengan Perjanjian Dalam Jual Beli

Kelima, al-Ghazali (t.th) maksudkan dengan elemen *al-ihsan* ini ialah tidak menekan dengan Perjanjian. Antaranya dengan mengambil langkah membatalkan perjanjian jualbeli (*iqalah*) untuk pihak pembeli apabila berhasrat membatalkannya. Hal ini dia tidak akan berlaku, melainkan hadirnya rasa menyesal atau tersilap dan merasa berat dengan pembelian tersebut. Tidak sepautnya seseorang itu merasa reda dengan dirinya sendiri di atas kelakuannya memberatkan saudaranya (Adi & Amru, 2020). Baginda SAW bersabda yang bermaksud: “Barangsiapa menerima pembatalan seorang muslim dalam jual beli, maka pada hari kiamat Allah akan mengampuni dosa-dosanya”.

f) Ihsan Dengan Pembeli Fakir

Keenam adalah membantu pembeli yang fakir (al-Ghazali, t.th). Elemen *al-ihsan* terakhir ini dapat direalisasikan dengan penjual menawarkan penangguhan pembayaran kepada pembeli fakir yang dirasakan perlu sebagai bentuk bantuan. Pada masa yang sama juga, penjual tidak bertegas dalam menuntut semula hutangnya selagi tidak mampu. Menurut Adi dan Amru (2020), tindakan ini boleh dicontohi daripada pendekatan para salaf al-saleh. Mereka mengambil tindakan mengasingkan dua buku kiraan hutang. Salah satunya adalah buku senarai nama-nama dan maklumat pemutang yang kurang dikenali daripada kalangan mereka yang lemah dan fakir. Langkah ini memudahkan mereka untuk mengenal pasti pembeli fakir jika datang untuk berurus jual beli dimasa yang lain.

Allah SWT telah perintahkan hamba-Nya untuk berbuat ihsan dalam setiap hal. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Sesungguhnya Allah telah mewajibkan berbuat ihsan kepada segala sesuatu”(riwayat Muslim) termasuk dalam aktiviti muamalah ekonomi. Imam Al-Ghazali melalui pendekatan tasawwufnya berusaha menyedarkan umat muslim bahawa jual beli adalah sebuah ibadah yang kemanfaatanya bukan hanya untuk peribadi sahaja, tetapi juga untuk individu muslim lain.

Kesimpulan dan Cadangan

Daripada pelbagai pandangan dan pendapat *mufassir* mengenai konsep *al-ihsan* dapat disimpulkan bahawa *al-ihsan* merupakan elemen yang tertinggi di dalam ajaran Islam. sehingga individu muslim perlu berkeyakinan bahawa Allah SWT sentiasa memerhati dan mengawasi dirinya. Hal ini juga akan memberi kesedaran kepada dirinya dalam melaksanakan sesuatu beribadah seolah-olah melihat Allah SWT. Peranan *al-ihsan* pada kehidupan sehari-hari adalah dengan tujuan mengharapkan keredaan Allah SWT. Seseorang dapat melaksanakan segala ketaatan dan menjauhi segala kemaksiatan disertai dengan kesedaran terhadap kehadiran Allah dalam pelaksanaan ibadah.

Anjakan kehidupan ke arah normal baharu perlu diadaptasi dengan segera dalam mendepani cabaran pandemik Covid 19 yang tidak pernah kita terfikir sebelum ini. Salah satu isu yang berlaku disebabkan pandemik COVID-19 ialah masyarakat terbatas dalam melakukan aktiviti harian seperti biasa termasuk aktiviti muamalah dan perekonomian. Isu pandemik COVID-19 ini telah memberi kesan terhadap pengguna dari aspek aktiviti muamalah dan perekonomian. Ajaran Islam merupakan ajaran lengkap dan sesuai dengan fitrah kejadian manusia dan untuk dijadikan panduan. Aktiviti muamalah dan perekonomian termasuk hal yang sangat diberi perhatian dalam ajaran Islam. Antara panduan Islam dalam menghadapi norma kehidupan adalah kefahaman terhadap konsep *al-ihsan*. Konsep ini amat dianjurkan dan merupakan elemen kearah penyempurnaan dalam transaksi muamalah. Konsep ini, sejatinya adalah ajaran Islam dari aspek akhlak yang perlu dan sesuai diaplikasikan dalam dunia ekonomi, dengan menjadikannya sebagai medium tazkiyah al-nafs dalam mendekatkan diri kepada Allah. Para ulama salaf al-saleh sentiasa menjadikannya sebagai pertimbangan dalam bertindak, termasuk dalam muamalah ekonomi. Jika di dalamnya terdapat unsur yang merugikan dan membahayakan akhiratnya maka itu akan ditinggalkan walaupun itu mendatangkan keuntungan dunia bagi mereka, begitu juga sebaliknya.

Rujukan

- A.W. Munawwir. (1997). Kamus al-Munawwir Arab-Indonesia. Surabaya: Pustaka Progressif.
- Adi Setia, Amru Sazali. (2020). Ihsan Dalam Urus Niaga, Al-Ihsan Fi al-Mu'amalah Imam al-Ghazali. Kuala Lumpur: Halaqah Muamalah, IGE Advisory & Rihla Media.
- Al-Ashfahani, Al-Raghib. (1983). Tafsir al-Nasyatain wa Tashil al-Sa'adatain. Beirut: Dar Maktabah al-Hayah.
- Al-Asqalani. (1997). Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Ghazali, Abu Hamid. (T.th.). Ihya ‘Ulum al-Din. Beirut: Dar al-Ma’rifah.
- Al-Ghazali, Muhammad Hamid. (1990). Al-Janib Al-Athifi Min Al-Islam, Bahts Fi Al-Khulq Wa Al-Suluk Wa Al-Tashawwuf. Mesir: Dar Al-Da’wah.
- Al-Syaukani, Muhammad Bin Ali Bin Muhammad. (2009). Tafsir Fathul Qadir. Tjmh. Amir Hamzah Fachruddin & Asep Saefullah. Jakarta: Pustaka Azzam.
- Al-Syaukani, Muhammad bin Ali bin Muhammad. (T.th.). Fath al-Qadīr. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ahmad Sunawari long. (2011). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Jabatan Usuluddin Dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ath-Thabari, Abu Ja’far Muhammad Bin Jarir. (2007). Tafsir Ath-Thabari. Tjmh. Ahsan Askan. Jakarta: Pustaka Azzam.
- Falih Muhammad Falih Ash-Shughayyir. (2009). Meraih Puncak Ihsan. Cet 1. Tjmh. Darwis, Lc. Jakarta: Darussunah.
- Harisah, Kutsiyaturrahmah & Yenny Susilawati. (2020). Konsep Islam Tentang Keadilan Dalam Muamalah. Jurnal Syar’ie. Vol. 3. No. 2. Ogos 2020.

- Harun. (2017). *Fiqh Muamalah*. Surakarta: Muhammadiyah University Press.
- Imam Nawawi, Muhy Al-Din Al-Nawawi. (2001). *Sahih Muslim Bi Syarh Al-Nawawi*. Beirut: Dar Al-Maarifah.
- Jauziyah, Syamsuddin Ibnu Qayyim. (1393). *Madarij al-Salikin*. Cet. II. Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabi.
- Muhammad Fuad Abd al- Baqi. (T.th.). *Mu’jam al- Mufahras li Alfaz al-Qur’an*. Cairo: Darul Hadith.
- Sayid Qutub. (2000). *Tafsir Fil Zilalil Quran, Di Bawah Bayangan Al-Quran*. Tjmh. Yusoff Zaky Haji Yacob. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Siti Maghfirotul Ainiyah. (2018). Konsep Ihsan Dalam Al-Quran Dan Kontekstualisasinya Di Era Imagologi.Tesis Jurusan Ilmu Al